

MUZIK JAZZ DAN ALIRAN MUZIK MASA KINI DI LEMBAH
KELANG. KES STUDI: ACID JAZZ

OLEH

NORDIN BIN YA

92069201

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.

Syukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya, maka terhasillah tesis yang tidak sepertinya ini. Dengan sukacitanya saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada mereka yang telah banyak memberikan bantuan dan panduan di dalam menyelesaikan tesis ini.

Pertamanya kepada Ketua Kursus Jabatan Muzik, Cik Hanizah Hj Musib, selaku penasihat yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar selama saya berada di ITM. Buat yang tersayang, Faizura Mohd Nor. Rakan seperjuangan terutamanya anggota Dominant (Yob, Loke Yew, Quiy, Mi-G, Q Dean, Cibor dan Nord).

Tidak ketinggalan kepada kakitangan Arkib Negara, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Tun Abdul Razak 2 (ITM) di atas kerjasama yang telah diberikan. Orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penyelidikan tesis ini (Abang Rajab, Encik Hanafie, Encik Farid, Billy Tan dan lain-lain).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas budi baik dan kerjasama pada semua yang terlibat.

PERUTUSAN

PENGHARGAAN

DAFTAR KANDUNGAN

BAB 1 (*ORGANISASI PENYELIDIKAN*) M/S

| | | |
|----------------|-------------------|---|
| 1.1 | PENGENALAN | 1 |
| 1.2 | TUJUAN KAJIAN | 4 |
| 1.3 | KAEDAH KAJIAN | 5 |
| 1.4 | SKOP PENYELIDIKAN | 6 |
| 1.5 | PERMASALAHAN | 7 |
| 1.6 | SINOPSIS BAB | 9 |

BAB 2 (*PENGENALAN DAN SEJARAH MUZIK JAZZ*)

| | | |
|-----|-------------------------------------|----|
| 2.1 | DEFINASI MUZIK JAZZ | 11 |
| 2.2 | SEJARAH MUZIK JAZZ DI BARAT | 14 |
| 2.3 | JENIS-JENIS MUZIK JAZZ | 17 |
| 2.4 | ALAT-ALAT MUZIK DALAM ENSEMBLE JAZZ | 29 |
| 2.5 | SEJARAH JAZZ DI MALAYSIA | 30 |
| a) | TAHUN 50 AN | 31 |

1.1 PENGENALAN

Seni muzik sememangnya tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia. Ia merupakan kebudayaan turun-temurun bagi setiap bangsa di dunia ini.

Muzik boleh memberi ketenangan jiwa dan dapat meredakan perasaan yang tertekan disebabkan oleh kehidupan sehari-hari manusia yang semakin mencabar. Ia juga boleh membuatkan jiwa rasa bergelora dan boleh membuatkan kita berfikir.

Ini adalah kerana unsur-unsur yang terdapat di dalam muzik seperti melodi, ritma, tempo dan bunyi yang lahir dari gabungan alat-alat muzik serta nyanyian sering mempengaruhi fikiran dan perbuatan manusia itu sendiri.

Pada masa ini terdapat pelbagai jenis muzik dengan tercetusnya idea-idea yang lahir dari daya kreativiti pemuzik itu sendiri. Antara jenis muzik tersebut ialah rock, raggae, alternative, klasik, jazz, dangdut, balada dan sebagainya. Tanpa muzik, kehidupan manusia mungkin tidak akan lengkap. Ini adalah kerana kehidupan manusia itu sendiri berkehendakkan sesuatu yang boleh menghiburkan perasaan mereka.

1.6 SINOPSIS BAB

BAB 1

Bab pendahuluan ini akan menerangkan tentang perkara-perkara di dalam bab yang seterusnya. Ia juga merangkumi tentang tujuan kajian, kaedah kajian, skop kajian dan permasalahan di dalam tesis ini.

BAB 2

Bab ini akan menerangkan definisi muzik jazz dan sejarah perkembangannya di barat dan juga di Malaysia (Lembah Kelang). Bab ini juga akan menerangkan tentang jenis-jenis dan juga mengenai alat muzik yang digunakan di dalam ensemble jazz.

BAB 3

Bab ini akan memperkatakan tentang pengaruh jazz di Malaysia. Ia meliputi perihal sambutan masyarakat, kelab malam dan syarikat rakaman.